

Kumpulan D' Akar Seni SMK Rancha-Rancha semakin dikenali



Bidang kesenian merupakan salah satu kebitaraan SMK RanchaRancha Wilayah Persekutuan Labuan. Salah satu bidang seni yang menonjol di SMK RanchaRancha ialah bidang seni tari. Kemenjadian bidang seni tari di sekolah itu telah diterajui oleh guru penasihatnya iaitu Cikgu Sapri Idris dan dibantu oleh Cikgu Zaharah Mat Jali.

Pembangunan bidang seni tari SMK Rancha-Rancha mengalami lonjakan saujana yang mana walaupun masih berusia setahun jagung namun keupayaan dan pencapaian Kumpulan D' Akar Seni SMK Rancha-Rancha tidak dapat disangkal kerana beberapa siri pencapaian dan kejayaan kumpulan itu telah mendapat pengiktirafan di peringkat negeri mahupun kebangsaan dan antarabangsa.

Pengetua SMK Ranche- Ranche Omar Baki Matusin amat menyokong kuat kumpulan D' Akar Seni SMK Ranche-Ranche. Beliau optimis dengan keupayaan dan kesungguhan kumpulan seni tari sekolah itu dalam mencapai kejayaan. "Sebagai tanda sokongan kepada perkembangan bidang seni tari melalui aktiviti kokurikulum, saya sentiasa berbincang dengan guru penasihat kumpulan D' Akar Seni SMK RancheRanche tentang pertandingan yang disertai di peringkat negeri mahupun kebangsaan," katanya.

Kumpulan D'Akar Seni SMK Ranche-Ranche di bawah kegiatan kokurikulum iaitu Kelab Pelancongan Sekolah SMK Ranche-Ranche mempunyai perancangan yang rapi dan sistematik dalam melahirkan serta mencungkil bakat para pelajar di sekolah itu, khususnya dalam bidang seni tari. Pada awal tahun ini, Kelab Pelancongan sekolah itu mengadakan kursus seni tari di dalam program Semarak Tari. Program itu telah pun dilaksanakan sejak tiga tahun yang lalu iaitu dari 2015 hingga 2017.



Penolong Kanan Kokurikulum sekolah Fauziah Idris menjelaskan komitmen kuat guru dan usaha tanpa mengenal erti putus asa oleh penari sekolah telah menjadikan kumpulan tari D' Akar Seni SMK RancheRanche kian digeruni

di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Latihan secara intensif dilaksanakan setiap hujung minggu yang mana Adam Sangga dan Nazri Gores Maran yang bertindak selaku jurulatih tari sekolah SMK RancaRanca mengajar gerak dan pembentukan posture badan para penari.

Tarian yang diajar adalah tarian Melayu seperti inang, zapin, asli dan joget. Para pelajar juga diajar menguasai tarian etnik Sabah dan Sarawak. Semangat bergotong-royong menjadi amalan kumpulan D'Akar Seni dan ini terbukti apabila mereka membuat sendiri aksesori dan menjahit manik pakaian tarian.

Antara kejayaan kumpulan tari D' Akar Seni SMK RancaRanca adalah menjadi johan Pertandingan Tarian Etnik Sabah 2017, johan Pertandingan Tarian Tradisi 2017 WP Labuan, johan Pertandingan Rampaian Melayu Tradisional WP Labuan 2017. Di peringkat kebangsaan, Kumpulan D'Akar Seni SMK Ranca-Ranca juga pernah mendapat anugerah Tarian Etnik Kreatif sempena Festival Seni Kebangsaan 2016.

Pertandingan berprestij anjuran Perbadanan Labuan iaitu Borneo Arts Festival telah mengangkat nama Kumpulan D'Akar Seni yang mendapat tempat ke-4 daripada 24 pasukan yang bertanding termasuklah dari Negara Brunei Darussalam. Kejayaan kumpulan tari SMK Ranca-Ranca telah melayakkan kumpulan itu mendapat anugerah daripada KelabPelanconganPalingAktif pada tahun 2016 oleh Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Labuan.



Pada tahun ini, Jabatan Pendidikan Labuan telah memilih Kelab Pelancongan SMK Ranche-Ranche sebagai penerima Anugerah Pengurusan Kelab dan Persatuan Terbaik kategori sekolah menengah. Perancangan jangka panjang kumpulan seni itu adalah untuk menyertai pertandingan tarian antarabangsa seperti World Cup Dance 2018.

Sapri optimis sekiranya kumpulan itu diberi kepercayaan dan diberikan dana untuk ke pertandingan antarabangsa kejayaan akan dapat diperolehi berkat kesungguhan dan komitmen semua pihak.

“Sebagai tanda sokongan kepada perkembangan bidang seni tari melalui aktiviti kokurikulum, saya sentiasa berbincang dengan guru penasihat kumpulan D’AkarSeniSMKRanche-Ranche tentang pertandingan yang disertai di peringkat negeri mahupun kebangsaan.

OMAR BAKI MATUSIN Pengetua SMK Ranche-Ranche